



AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

22 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4.00 petang, 22 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **kek** pada lima (5) di mana 20 daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor terjejas. Seramai 58,054 orang mangsa daripada 16,544 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 316 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Terdapat penurunan yang signifikan berbanding jam 4:00 petang semalam di mana seramai 72,510 mangsa daripada 20,554 KIR berlindung di 418 PPS

Aras Air Sungai & Amaran Banjir

Menurut JPS sehingga 11:00 pagi ini, paras semasa air di Selangor, Sungai Bernam di Rimba KDR berada pada paras Bahaya dengan trend menaik manakala 2 buah lagi stesen berada pada paras Amaran dengan trend menurun iaitu Sungai Bernam di Hulu Selangor dan Sungai Langat di Bukit Changgang. Bagi negeri Kelantan, keadaan paras sungai berada pada trend menurun. Lain-lain negeri yang mempunyai bacaan stesen pada tahap Amaran adalah di Melaka (Sungai Duyong di Melaka Tengah), Perak (Sungai Bidor di Changkat Jong, Hilir Perak) dan Sarawak (Sungai Similajau di Bintulu). Manakala Stesen Long Jegan di Miri berada pada tahap Bahaya dengan trend menaik.

Sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **tujuh (7)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **bahaya** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg. Lebir di Kg. Tualang, Kuala Krai	Kelantan
2	Sg Golok di Kg Jenob, Tanah Merah	
3	Sg Golok di Kuala Jambu, Tumpat	
4	Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas	
5	Sg. Dungun di Jambatan Jerangau, Dungun	Terengganu
6	Sg. Kemaman di Rumah Pam Paya Paman, Kemaman	
7	Sg. Nerus di Kg. Jeram, Kuala Nerus	

Selain itu, terdapat **tujuh (7)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sungai Similajau, Bintulu	Sarawak
2	Kuala Balingian, Mukah	
3	Sg. Pahang di Lubok Paku, Maran	Pahang
4	Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan	
5	Sg. Keratong at Jalan Kota Bahagia, Rompin	
6	Sg. Nerus di Kg. Bukit, Setiu	Terengganu
7	Sg. Kelantan di Kuala Krai, Kuala Krai	Kelantan

Pada jam 2.00 petang 21 Disember 2022, Jabatan Pengairan dan Saliran melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) telah mengemaskinikan notis kesiapsiagaan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh 24 jam yang akan datang.

Lokasi *hotspot* yang disenaraikan melibatkan 12 daerah dari enam (6) buah negeri; Johor (Kota Tinggi, Muar, Mersing), Pahang (Kuantan, Maran, Pekan), Perak (Bagan Datuk, Hilir Perak), Selangor (Klang), Terengganu (Marang, Kuala Terengganu) dan Sabah (Tuaran).

Amaran & Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melaporkan setakat jam 9.00 pagi, 21 Disember 2022, tiada kemaskini Amaran Hujan Berterusan (Buruk) dikeluarkan. Amaran Hujan Berterusan yang sedang berkuat kuasa ialah kemaskini yang dikeluarkan pada jam 3.00 petang, 21 Disember 2022. Setakat jam 9.00 pagi, satu Amaran Ribut Petir telah dikeluarkan iaitu pada jam 6.05 pagi di Perak, Selangor, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, WP Labuan dan Sarawak. Luruan monsun (*monsoon surge*) dijangka berterusan sehingga 26 Disember 2022. Keadaan cuaca di negeri Kelantan dan Terengganu dijangka lebih baik manakala hujan berterusan akan tertumpu di negeri Pahang dan Johor. Bermula 23 Disember 2022, hujan berterusan dijangka berlaku di Sabah, WP Labuan dan Sarawak.

Berdasarkan Ramalan Cuaca Signifikan yang dikeluarkan MET Malaysia pada jam 3.00 petang, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 27 Disember dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung, Sabah & barat Sarawak serta di perairan Laut China Selatan. Satu sistem cuaca bertekanan rendah dijangka mula

terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan dijangka bergerak menuju ke Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan intensiti hujan di kawasan berkenaan. PKOB Negeri Sabah telah diminta untuk bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya banjir.

Amaran Hujan Berterusan (Peringkat Buruk) juga telah dikemas kini yang melibatkan negeri Pahang dan Johor berkuatkuasa sehingga 23 Disember 2022. Manakala Amaran Hujan Berterusan (Peringkat Waspada) melibatkan negeri Sarawak berkuatkuasa sehingga 23-24 Disember 2022 manakala Sabah dan WP Labuan berkuatkuasa pada 23-26 Disember 2022. Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan sedang berkuatkuasa sehingga 27 Disember 2022.

Berdasarkan Jadual Air Pasang Besar, pihak JPS telah mengeluarkan amaran banjir bagi negeri Terengganu yang melibatkan lembangan Sungai Dungun di Kampung Sungai Buaya dan kawasan sekitarnya yang dijangka berlaku pada 24 Disember 2022.

Semua PKOB di negeri-negeri Pantai Barat yang terlibat juga telah diminta untuk turut bersiap-siaga dan menasihati penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan pantai untuk berpindah lebih awal kerana air pasang besar dijangka berlaku pada 23 Disember 2022, pada waktu malam.

Laporan Kejadian Bencana

Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan setakat jam 2:00 petang, trend menurun direkodkan secara keseluruhannya dengan sebanyak 71 lokasi terkesan kejadian banjir, 19 lokasi cerun runtuh, tiga (3) lokasi jalan runtuh, enam (6) lokasi jalan mendap dan empat (4) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 103 lokasi.

Kejadian-kejadian ini telah berlaku di empat (4) lokasi di Kedah, satu (1) lokasi di Perak, satu (1) lokasi di Selangor, empat (4) lokasi di Negeri Sembilan, 27 lokasi di Kelantan, 58 lokasi di Terengganu, lima (5) lokasi di Pahang, dan tiga (3) di Johor yang melibatkan 44 jalan persekutuan dan 59 jalan negeri. Menurut laporan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG,) tiada perubahan jumlah keseluruhan kejadian tanah runtuh di seluruh negara seperti yang telah direkodkan pada 19 Disember 2022.

PENYELARASAN PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) PUSAT

PKOB Negeri Kelantan telah memaklumkan terdapat 5 Pos Orang Asli di Daerah Gua Musang melibatkan 1,277 keluarga telah terputus hubungan dan memerlukan bantuan makanan dan keperluan asas. Bantuan yang dihantar menggunakan jalan darat telah pun digerakkan manakala penghantaran bantuan menggunakan jalan udara sedang dalam tindakan PKOB.

Sebanyak 2 buah pesawat udara milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah siap sedia untuk diaturgerak dan masing-masing telah diletakkan di Pos Kawalan Hadapan di Wakaf Tapai, Terengganu (1 buah) dan Bachok, Kelantan (1 buah). PKOB Negeri juga telah diminta untuk memaklum segera kepada pihak NADMA jika ada keperluan sokongan aset-aset lain untuk tujuan penyelarasan segera.

Sehingga hari ini, bagi negeri Kelantan, seramai 1,754 responder dengan pelbagai aset diaturgerak melibatkan agensi PDRM, JPBM, SMART, APM, ATM dan RELA serta 320 orang sukarelawan yang telah diaturgerak untuk kerja-kerja pembersihan. Manakala pengoperasian di negeri Terengganu pula melibatkan seramai 1,501 responder dengan pelbagai aset diaturgerak melibatkan agensi PDRM, JPBM, SMART, APM, ATM, RELA dan dibantu oleh 285 orang NGO.

Sebanyak 48 pasukan kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah siap sedia untuk diaturgerak ke negeri-negeri yang memerlukan sokongan petugas tambahan. Setakat semalam, sebanyak 12 pasukan akan bergerak ke Kelantan dan PKOB negeri Kelantan telah diminta untuk menyelaras dengan KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) lokasi penempatan pasukan petugas kesihatan ini. NGO kesihatan pula perlu melapor diri ke Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk penyelarasan penempatan ke PPS yang memerlukan. Gerak kerja yang sama turut diaplikasi untuk negeri-negeri lain yang terkesan.

Untuk melancarkan lagi bantuan daripada pihak NGO, semua PKOB telah diminta untuk menentukan keperluan segera serta kawasan-kawasan yang terlibat untuk diuar-uarkan kepada NGO yang sedia membantu. NADMA akan berkongsi *dashboard* terkini penglibatan NGO di lapangan dalam laman rasmi dan media sosial.

Berikutan pengumuman YAB Perdana Menteri berkaitan sumbangan Bantuan Wang Ihsan Bantuan Wang Ihsan (BWI) hanya akan diberikan sekali dalam tempoh 3 bulan, sekiranya bencana berulang. Mereka yang layak menerima BWI adalah yang berpindah ke PPS dan yang terjejas akibat banjir yang mana senarai nama perlu disahkan terlebih dahulu oleh Pegawai Daerah. Semua PKOB Negeri diminta untuk menyelaraskan proses pemberian BWI sesegera mungkin bagi mengelakkan kelewatan penerimaan bantuan ini.

Pelbagai isu-isu dilapangan yang melibatkan mangsa banjir berdasarkan laporan Jabatan Penerangan (JaPen) turut menjadi agenda perbincangan PKOB Pusat agar tindakan penyelesaian segera dapat dilakukan.

Bagi kerja-kerja pembaikan jambatan dan jalan raya yang rosak terkesan banjir, pihak JKR telah diminta untuk melaksanakan sesegera mungkin terutamanya di jalan-jalan perhubungan utama. Bagi kerja-kerja pembersihan, PKOB Negeri perlu menyelaraskan jentera-jentera pembersihan besar termasuk tong RORO bagi tujuan pengumpulan sampah dan sisa-sisa. PKOB Negeri melalui PBT masing-masing diminta untuk mengenalpasti tapak-tapak pelupusan sementara di semua daerah yang terlibat sebelum dibawa ke tapak pelupusan sebenar bagi mengelakkan bau busuk dan masalah kesihatan.

NASIHAT DAN RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan *hotspot* tanah runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing.

Langkah kewaspadaan in perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi [myCuaca](#) di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi [InfoBencanaJKM](#) di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian [03-26107727](tel:03-26107727) atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter [@CSFJ_JKR](#).

Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN

LOKASI 'HOTSPOT' YANG BERISIKO BANJIR KILAT

Negeri	Daerah	Lokasi 'Hotspot' Yang Berisiko Banjir Kilat Di Kawasan Mukim Berikut:
Johor	Kota Tinggi	Mukim Sedili Kechil, Mukim Ulu Sungai Sedili Besar serta kawasan sekitarnya.
	Muar	Bandar, Bandar Maharani, Mukim Jalan Bakri serta kawasan sekitarnya.
	Mersing	Bandar Padang Endau serta kawasan sekitarnya.
Pahang	Kuantan	Bandar Kuantan, Mukim Hulu Kuantan, Mukim Kuala Kuantan, Mukim Pulau Manis, Mukim Sungai Karang serta kawasan sekitarnya.
	Maran	Pekan serta kawasan sekitarnya.
	Pekan	Mukim Bebar, Pekan, Mukim Langgar serta kawasan sekitarnya.
Perak	Bagan Datuk	Pekan Simpang Empat serta kawasan sekitarnya.
	Hilir Perak	Mukim Durian Sebatang serta kawasan sekitarnya.
Selangor	Klang	Mukim Klang serta kawasan sekitarnya.
Terengganu	Marang	Mukim Bukit Payung serta kawasan sekitarnya.
	Kuala Terengganu	Mukim Batu Buruk, Mukim Chendering, Mukim Kuala Terengganu serta kawasan sekitarnya.
Sabah	Tuaran	Kg. Berungis, Pekan Tenghilan serta kawasan sekitarnya.

PRABIN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BAHARU NEGARA

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-22122022-0700

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka sehingga 27 Disember 2022 dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung, Sabah & Sarawak serta di perairan Laut China Selatan. Satu sistem cuaca bertekanan rendah dijangka mula terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan dijangka bergerak menuju ke Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan intensiti hujan di kawasan berkenaan.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan yang melibatkan negeri Pahang dan Johor berkuat kuasa sehingga 23 Disember 2022, negeri Sarawak berkuat kuasa pada 23 - 24 Disember 2022 manakala negeri Sabah berkuat kuasa pada 23 - 26 Disember 2022.

Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan sedang berkuat kuasa sehingga 27 Disember 2022.


Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web **www.met.gov.my** dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 22 Disember 2022, pada 3.00 petang





JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



- | | |
|---|-------------------------------------|
| BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku | sehingga 23 Disember 2022 |
| Pahang (Pekan dan Rompin) • Johor (Mersing dan Kota Tinggi) | |
| WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku | sehingga 23 Disember 2022 |
| Pahang (Kuantan) • Johor (Segamat, Batu Pahat, Kluang, Pontian, Kulai dan Johor Bahru) | |
| WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku | 23 Disember 2022 - 24 Disember 2022 |
| Sarawak: Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah, Bintulu, Miri (Subis, Beluru, Miri dan Marudul) dan Limbang | |
| WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku | 23 Disember 2022 - 26 Disember 2022 |
| Sabah: Pedalaman (Sipitang, Kuala Penyu dan Beaufort), Pantai Barat, Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan) dan Kudat • WP Labuan | |